

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIX)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

4. Adakah kempen tak nak penyedut air mencapai sasaran?
- (a) Sila berikan data yang menunjukkan kejayaan bilangan premis perniagaan yang telah mengikuti polisi ini.
 - (b) Apakah langkah yang telah diambil untuk menggalakkan aktiviti perniagaan mengikuti polisi ini?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mula melaksanakan Kempen Larangan Penggunaan Penyedut Minuman Plastik (*No To Plastic Straw*) secara menyeluruh di peringkat negeri bermula pada 1 Januari 2019. Sasaran jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk penggunaan plastik di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-
- (i) Jangka Pendek:-
Meminimumkan penggunaan dan impak pencemaran plastik terhadap alam sekitar.
 - (ii) Jangka Panjang:-
Peralihan penggunaan produk pengganti kepada plastik (*substitute product to plastic*) melalui penggalakan ekonomi hijau (*green economy*).

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Sisa Plastik Negeri Pulau Pinang telah menetapkan garis

pelaksanaan Kempen Larangan Penggunaan Penyedut Minuman Plastik adalah seperti berikut:-

FASA	TEMPOH KEMPEN	PENDEKATAN
Pertama	Jan 2019 - Jun 2020	- kempen kesedaran <i>(educational awareness)</i>
Kedua	Jul 2020 - Dis 2020	- penguatkuasaan secara berhemah <i>(educational enforcement)</i>
Ketiga	Jan 2021 dan seterusnya	- penguatkuasaan penuh <i>(full enforcement)</i>

Berdasarkan garis masa tersebut, penilaian pencapaian sasaran program hanya dapat dibuat setelah penguatkuasaan sepenuhnya dilaksanakan pada 1 Januari 2021.

- (a) Premis perniagaan minuman dan makanan yang terlibat dalam Kempen *No To Plastic Straw* adalah terdiri daripada semua premis perniagaan dalam kategori berikut:-
- (i) Restoran/ Kedai Makanan & Minuman/ Kedai Kopi/ Kafe/Pub;
 - (ii) Kedai Serbaneka;
 - (iii) Kedai Serbaneka Stesen Minyak;
 - (iv) Medan Selera/ Pusat Penjaja/ Kompleks Makanan;
 - (v) Kenderaan Saji Makanan dan Minuman;

- (vi) Pasar Malam/Pasar Pagi/Uptown Market;
- (vii) Kantin; dan
- (viii) Penjaja.

Pada peringkat fasa pertama dari Jan 2019 hingga Jun 2020 (*educational awareness*) dan fasa kedua dari Julai 2020 hingga Disember 2020 (*educational enforcement*), penyertaan premis-premis perniagaan adalah secara sukarela (*voluntary basis*). Pelaksanaan fasa ketiga (*full enforcement*) akan mewajibkan semua premis yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan mematuhi sepenuhnya Larangan Penggunaan Penyedut Minuman Plastik. Oleh itu, data lengkap mengenai pematuhan premis perniagaan serta kejayaan dalam pelaksanaan program ini hanya akan diperolehi semasa pelaksanaan di peringkat fasa ketiga.

- (b) Langkah-langkah yang telah diambil untuk menggalakkan aktiviti perniagaan mengikuti Kempen Larangan Penggunaan Penyedut Minuman Plastik adalah seperti berikut:-
 - (i) Melarang penggunaan plastik sekali guna termasuk penyedut minuman plastik di jabatan/agensi premis kerajaan serta semasa penganjuran program di bawah Kerajaan Negeri untuk dijadikan contoh (*role model*) kepada masyarakat;
 - (ii) Mendekati masyarakat serta pemilik premis perniagaan untuk memberikan informasi dan kesedaran supaya menyokong Kempen Larangan Penggunaan Penyedut Minuman Plastik;
 - (iii) Menganjurkan sesi dialog bersama pemilik premis perniagaan untuk mendapatkan maklum balas dan input bagi menambah baik mekanisma pelaksanaan polisi semasa;

- (iv) Membuat promosi dan publisiti kempen melalui edaran poster dan penggunaan platform media sosial; dan
- (v) Penganjuran forum melibatkan pelbagai pemegang taruh untuk berkongsi pengalaman pelaksanaan amalan terbaik dan inisiatif hijau dalam menangani isu pencemaran plastik.